

# Tiada lagi keluar KWSP, elak risiko miskin tegar

UM - 27/12/2021 mlb : 3

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**  
juani.bakar@mediamulia.com.my

**HULU LANGAT:** Kerajaan bimbang lebih ramai rakyat menjadi miskin tegar pada hari persaraan jika terus membenarkan pencarum mengeluarkan wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, meskipun ramai mangsa terkesan dengan banjir tetapi mereka juga perlu memikirkan simpanan masa depan.

Menurut beliau, untuk membantu rakyat, kerajaan mengumumkan pelbagai bantuan dan dana mencukupi untuk mangsa-mangsa banjir di seluruh negara serta sedia menambah peruntukan pada masa akan datang.

“Ada banyak kemudahan diumumkan kepada mangsa banjir. Jika ada yang mahu buka perniagaan untuk yang terjejas banjir, TEKUN menawarkan pinjaman mudah RM10,000 tanpa faedah dan moratorium iaitu tidak perlu bayar balik pinjaman selama setahun.

“Bagi yang mahu beli barang keperluan rumah, Bank Simpanan Nasional (BSN) akan beri pinjaman persendirian RM10,000 tanpa faedah dan moratorium selama enam bulan.

“Kerajaan sudah sediakan kemudahan ini. Jika apa yang



**DATUK Seri Ismail Sabri Yaakob bertanya khabar seorang penduduk ketika melawat mangsa banjir di Taman Sri Nanding, Hulu Langat semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO**

disediakan ini digunakan, Insyallah boleh membantu mereka,” katanya selepas melawat mangsa banjir di Taman Sri Nanding, Hulu Langat semalam.

Sebelum ini, KWSP menerusi beberapa sklim pengeluaran iaitu i-Lestari, i-Sinar dan Citra telah merekodkan sebanyak RM101 bilion dikeluarkan oleh 7.4 juta ahlinya.

Ismail Sabri berkata, Tenaga

Nasional Berhad (TNB) pula akan memberikan rebat 100 peratus kepada 72,000 pelanggannya yang terkesan dengan banjir, sekali gus meringankan beban kewangan mereka.

“Saya juga minta TNB untuk bantu kediaman B40 terjejas akibat banjir, agar bekalan elektrik disambung semula.

“Sejak Jumaat lalu, TNB telah melaksanakan kerja pemeriksaan pendawaian per-

cuma, apabila rumah-rumah ditenggelami air sehingga berlaku kerosakan kepada pemilik rumah domestik,” katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, satu pasukan petugas khas pasca banjir dan persediaan bencana alam yang diketuai Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali diwujudkan untuk memudahkan koordinasi membabitkan segala keperluan rakyat.